



**KOLEJ PENGURUSAN PENERBANGAN** DK081(B)  
**(AVIATION MANAGEMENT COLLEGE)**

Lot PT 2141, Jalan Kajang Dengkil, Jenderam Hilir,  
43800 Dengkil, Sepang, Selangor  
Tel No: 603-87609000 ; No Fax: 603-87609009  
Handphone: 6017-213 0385 WhatsApp: bit.ly/Amcws  
Email: admission@aviation.edu.my ; Website: www.AVIATION.edu.my



# BANTUAN PENDIDIKAN SETIAP NEGERI

## SELANGOR

### • YAYASAN SELANGOR

Pemohon adalah dipelawa untuk memohon Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor bagi mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk **SEPENUH MASA SAHAJA**.

Dibawah adalah syarat- syarat kelayakan memohon:

| SYARAT- SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN |  |
|-------------------------------------|--|
| SYARAT- SYARAT PERMOHONAN           | KETERANGAN   |
| <b>KELAHIRAN</b>                    | <ul style="list-style-type: none"><li>• Warganegara Malaysia.</li><li>• Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau</li><li>• Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; atau lahir di Wilayah Persekutuan sebelum 01 Februari 1974 atau telah bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun di Negeri Selangor dengan pengesahan daripada ADUN / Penghulu / Pengerusi JKKK / Ketua Kampung.</li><li>• Pemohon daripada keluarga yang mempunyai <b>pendapatan per kapita</b> ( pendapatan ibu- bapa bahagi jumlah tanggungan ) <b>kurang RM 3,000.00 Sebulan.</b></li></ul> |

## SYARAT- SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

|                            |  |
|----------------------------|--|
|                            | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemohon, ibu dan bapa adalah <b>Warganegara Malaysia</b>.</li></ul>  |
| <b>PERINGKAT PENGAJIAN</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara <b>SEPENUH MASA</b> sahaja.</li><li>• Pengajian secara jarak jauh (PJJ) / luar kampus (PLK) / A Level / O Level / sijil – sijil profesional / seluruh negara adalah <b>TIDAK LAYAK MEMOHON</b>.</li></ul>   |
| <b>PENAJAAN</b>            | <ul style="list-style-type: none"><li>• Hanya pemohon yang <b>BELUM MENERIMA SEBARANG PENAJAAN</b> daripada lain-lain penaja atau bantuan kewangan dari mana-mana organisasi dalam atau Luar Negara layak memohon.</li><li>• Pelajar yang telah mendapat tajaan (pinjaman/biasiswa) contohnya PTPTN, JPA, MARA dan sebagainya <b>TIDAK LAYAK MEMOHON</b>.</li><li>• Pelajar yang telah / pernah menerima pinjaman daripada mana-mana badan tajaan didalam pengajian Pensijilan atau Diploma, tidak layak untuk memohon. Sekiranya pernah menerima pinjaman pelajaran, surat selesai bayaran pinjaman hendaklah disertakan bersama borang permohonan.</li></ul> |

## TAWARAN PERINGKAT PENGAJIAN

Tawaran ini adalah terbuka bagi pengajian peringkat Ijazah / Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan **SEPENUH MASA** yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

## PROSEDUR PERMOHONAN

Pemohon perlu mengisi borang permohonan pinjaman Yayasan Selangor dengan melayari laman web rasmi <https://yayasanselangor.org.my/> Yayasan Selangor apabila iklan tawaran dikeluarkan.

- Permohonan yang berjaya sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga
  - Pemohon yang berjaya di dalam sesi temuduga sahaja akan ditawarkan Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor
-

*Sebarang pertanyaan lanjut/surat menyurat, alamat ke:-*

**BAHAGIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN  
YAYASAN SELANGOR  
TINGKAT 17, MENARA YAYASAN SELANGOR  
NO. 18A, PERSIARAN BARAT  
46000 PETALING JAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**TELEFON: 03-7669 1100 SAMB. 237/188/162  
FAKSIMILI: 03-7954 1862 / 03-7954 1790**

## **• TABUNG KUMPULAN WANG BIASISWA NEGERI SELANGOR (TKWBNS)**

Pemohon yang telah mendaftarkan diri bagi **PENGAJIAN SEPENUH MASA** di peringkat Diploma/Ijazah dipelawa untuk memohon Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) atau Peduli Siswa. Berikut adalah syarat- syarat TKWBNS:

### **SYARAT AM**

1. Pemohon dan ibu dan bapa merupakan warganegara Malaysia; **DAN**
2. Pemohon, ibu atau bapa lahir di Selangor; atau
3. Pemohon telah dan sedang bermastautin lebih daripada sepuluh (10) tahun di Selangor; **(KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK SELANGOR)**
4. Telah mendaftarkan diri bagi pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Perubatan.
5. Sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh Malaysia atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam **Negeri Selangor dan Kuala Lumpur** yang diiktiraf oleh Kerajaan secara **SEPENUH MASA**.
6. Pemohon bukan pelajar tahun akhir pengajian atau diberikan lanjutan tempoh pengajian.
7. Pemohon belum menerima sebarang tajaan lain (Biasiswa, Pinjaman atau Dermasiswa) termasuk bagi Ijazah Perubatan, Pergigian dan Veterinar)
8. Pendapatan isi rumah (Ibu dan Bapa) hendaklah **tidak melebihi RM 20,000.00 sebulan (gaji pokok)**.
9. Sila sertakan **SALINAN SIJIL LAHIR PEMOHON, SALINAN MY KAD PEMOHON, BAPA DAN IBU, SALINAN SIJIL BERHENTI SEKOLAH (RENDAH DAN MENENGAH), SALINAN KEPUTUSAN SPM/ STPM/ STAM/ MATRIKULASI/ ASASI/ DIPLOMA** (mana yang berkaitan).
10. **SALINAN SLIP GAJI TERKINI** (ibu dan bapa/penjaga), **PESARA** sila kepilkan **SALINAN PENYATA PENCEN BULANAN** atau jika **BEKERJA SENDIRI/TIDAK BEKERJA/SURI RUMAH** sila dapatkan **PENGESAHAN PENDAPATAN** (Disahkan oleh Ketua Kampung/ ADUN/ Penghulu/Pengerusi Taman / Penghulu Mukim / Ketua Blok **SAHAJA**)

11. Bagi pemohon dan ibubapa yang tidak lahir di Negeri Selangor perlu mengemukakan **PENGESAHAN MASTAUTIN** yang disahkan oleh Ketua Kampung/ ADUN/ Penghulu/Pengerusi Taman / Penghulu Mukim / Ketua Blok **SAHAJA**)
12. Salinan Surat Kematian dan Surat Bercerai (**jika berkaitan**)
13. Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** atau **TIDAK DISERTAKAN DOKUMEN** yang diperlukan akan **DITOLAK**. Dokumen yang dicetak tidak perlu dihantar.
14. Pemohon hendaklah membuat semakan secara talian <http://tkwbns.selangor.gov.my/portal/index.php/tentang-kami/program-khas-peduli-siswa/> online dalam tempoh **DUA MINGGU** selepas **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**.

## **SYARAT AKADEMIK**

### **i. Sijil**

- Memperolehi sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran SPM (bidang dan teknikal).
- Memperolehi sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dalam mana-mana pelajaran di peringkat SPM (IPTA).

### **ii. Diploma**

- Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat SPM; atau
- Memperoleh kelayakan Sijil dengan kelulusan PNGK/ CGPA 2.50 ke atas.

### **iii. Ijazah Sarjana Muda**

- Memperoleh kelayakan Sijil Tahun Asas / Pra-Ijazah / Matrikulasi / Diploma dengan kelulusan PNGK / CGPA 2.50 ke atas; atau
- Memperoleh sekurang-kurangnya empat (4) Gred C dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STPM; atau
- Memperoleh sekurang-kurangnya lima (5) kelulusan (jayyid) dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat STAM.

## **KADAR PEMBIAYAAN**

| <b>PERINGKAT PENGAJIAN</b>                   | <b>IPTA/IPTS<br/>(Kadar Setahun)</b> | <b>UiTM, Politeknik &amp;<br/>Kolej Komuniti<br/>(Kadar Setahun)</b> |
|--|--------------------------------------|--|
| Sijil  | -                                    | RM 3,000.00  |
| Diploma                                      | RM 4,900.00                          | RM 3,500.00  |
| Ijazah Sarjana Muda (Pelbagai dan Veterinar) | RM 6,500.00                          | RM 4,500.00  |
| Perubatan dan Pergigian                      | RM 7,000.00                          | RM 7,000.00  |

**\*\* Tajaan adalah bermula daripada tarikh kuatkuasa Surat Tawaran sehingga tamat pengajian seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran daripada Universiti.**

## **PENGURANGAN BAYARAN BALIK**

1. Pembiayaan yang akan diberikan adalah dalam bentuk pinjaman pelajaran boleh ubah di mana pengurangan bayaran balik akan diberikan mengikut pencapaian CGPA / PNGK akhir pelajar.
2. Selain daripada CGPA/PNGK, pelajar juga perlu memenuhi syarat-syarat berikut:
  - tamat pengajian dalam tempoh seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran;
  - tidak melanggar mana-mana syarat seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Perjanjian; dan
  - mengemukakan salinan transkrip rasmi dan sijil senat yang telah disahkan oleh pihak Universiti kepada Urus Setia TKWBNS.

### **• BANTUAN DERMASISWA PENGAJIAN TINGGI (ZAKAT SELANGOR)**

Permohonan Bantuan Dermasiswa Pengajian Tinggi (ZAKAT SELANGOR)

<https://pendidikan.zakatselangor.com.my> terbuka kepada pelajar asnaf fakir, miskin & Muallaf yang BERDAFTAR dengan Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

#### **Syarat-syarat permohonan Bantuan Dermasiswa Pengajian Tinggi:**

1. Berdaftar sebagai asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf di Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
2. Mendapat tawaran pengajian di Panel Pusat Pengajian Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
3. Memenuhi syarat dan kriteria bantuan yang ditetapkan oleh LZS bagi Bantuan Dermasiswa Pengajian Tinggi (BDPT).

### **• YAYASAN RAJA MUDA SELANGOR SCHOLARSHIP**

Permohonan biasiswa Yayasan Raja Muda Selangor boleh dibuat di

<http://www.yrms.org.my/programmes/apply-scholarship/>. Terbuka kepada SELURUH RAKYAT MALAYSIA yang berumur 18 hingga 29 tahun. Yayasan Raja Muda Selangor turut menyediakan khidmat kaunseling, bantuan kewangan dan juga latihan profesional.

# NEGERI SEMBILAN

## • BANTUAN KEWANGAN IPT NEGERI SEMBILAN

### Syarat –Syarat Permohonan:

1. Pemohon adalah anak Negeri Sembilan yang menetap di Negeri Sembilan.
2. Pemohon hendaklah memohon dalam **tempoh tahun pertama pengajian**.
3. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,000.00.
4. Pemohon hendaklah menggunakan borang PK-PSUKNS-31 dan pemohon **WAJIB** mengisi semua maklumat yang diperlukan.
5. Bagi pemohon yang merupakan anak peneroka FELDA sahaja; pemohon adalah diwajibkan untuk mengisi Borang Pengesahan Kelayakan Bantuan Pendidikan FELDA.
6. Borang permohonan hendaklah disahkan oleh yang berikut sahaja:
  - YB ADUN / Ahli Parlimen atau Pegawai Penyelaras DUN;atau
  - Penghulu;atau
  - Pengerusi MPKK / KRT / Taman.

### Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Salinan kad pengenalan pemohon **DAN** ibu bapa **ATAU** penjaga;
- Salinan Sijil Kematian **ATAU** Perceraian jika berkenaan;
- Salinan penyata gaji **ATAU** pengesahan pendapatan ibu bapa **ATAU** penjaga;
- Salinan surat tawaran ke IPT yang berkenaan **DAN** pengesahan pendaftaran **ATAU** bayaran yuran pendaftaran **ATAU** surat pengesahan pengajian;
- Salinan Sijil Berhenti Sekolah Rendah **ATAU** Menengah; Pengesahan Kelayakan Bantuan Pendidikan FELDA khususnya bagi anak peneroka FELDA **DAN** hendaklah disahkan oleh Pengurus Felda Kawasan.

Borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap dan telah mendapat pengesahan oleh pihak yang berkenaan hendaklah dihantar ke Pusat Khidmat DUN yang terdekat atau pos ke:

Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan  
Tingkat 5B, Wisma Negeri  
70503 Seremban

Sebarang pertanyaan boleh diajukan di talian 06-7659936 /31 @ 06-7659784 /85 atau <http://www.ns.gov.my/19-maklumat-laman/304-syarat-syarat-permohonan-bantuan-kewangan-ke-ipt>

## MELAKA

### ● PINJAMAN WANG PENGAJIAN TINGGI NEGERI MELAKA

Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka ditubuhkan dengan kelulusan MMKS Bil 1/2000 yang bersidang pada 5 Januari 2000. Tabung ini berfungsi dibawah Arahan Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka. Tabung ini menggabungkan dua badan agensi negeri iaitu Yayasan Melak dan Majlis Agama Islam Melaka. TAPEM berfungsi untuk mengurus dan mentadbir tabung bantuan atau pinjaman termasuklah untuk **ANAK MELAKA** yang bakal melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Pinjaman Wang Pengajian Tinggi Negeri Melaka ini ditawarkan kepada pelajar yang telah diterima masuk ke Institusi Pengajian Awam dan Swasta. Untuk permohonan boleh layari <https://tapemonline.melaka.gov>.

## PAHANG

### ● PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN PAHANG

Yayasan Pahang (YP) menawarkan Pinjaman Pendidikan dan Geran Pra Siswazah & Pasca Siswazah bagi anak negerinya yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian di Institusi- institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan yang diluluska oleh YP

Anak negeri Pahang yang melanjutkan pengajian ke peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan PhD di IPTS atau UA termasuklah ke universiti luar negara di timur tengah untuk pengajian ijazah sarjana muda layak untuk memohon. Dari segi jumlah pembiayaan tidak dinyatakan secara spesifik dan adakah dikenakan faedah atau sebaliknya, itu perlu dirujuk kepada pihak yaysan sendiri.

Untuk info lanjut mengenai pinjaman dan biasiswa sila klik pautan berikut: <http://www.yp.org.my/yp2016/index.php/my/2-general/bantuan-pendidikan/23-pinjaman-pendidikan.html#> Borang permohonan dikatakan perlu memohon terus ke pejabat Yayasan Pahang. Iklan permohonan akan dikeluarkan pada bulan April dan November atau pada bila-bila masa yang bersesuaian.

## JOHOR

### ● **SKIM Bantuan Yuran Pendaftaran IPT Dalam Negara, MAIJ**

Skim Bantuan Yuran Pendaftaran IPT Dalam Negara Sesi 2020 (Siri 1) dibuka bermula **15 Jun 2020 Hingga 14 Julai 2020**

Syarat dan kelayakan pelajar

1. Warganegara Malaysia,
2. Anak kelahiran Johor dan menetap di dalam Negeri Johor,
3. Bermaustatin di dalam Negeri Johor sekurang-kurangnya 5 tahun,
4. Mendapat surat tawaran Institusi Pengajian Tinggi Tempatan,
5. Pendapatan perkapita tidak melebihi RM500 setiap tanggungan.

Peringkat pengajian :

1. Sijil semester pertama,
2. Diploma semester pertama,
3. Ijazah Sarjana Muda Semester pertama,

Kadar Bantuan :

- Sijil : RM300
- Diploma : RM500
- Ijazah Pertama : RM1,000

Kaedah dan Proses Permohonan :

1. Semua permohonan melalui sistem permohonan IPT Online di eMAIJ  
<http://www.maij.gov.my/?p=5274>
2. Lampiran permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke MAIJ daerah dalam tempoh **2 MINGGU SELEPAS PERMOHONAN DITUTUP**. Sekiranya melebihi tarikh ditetapkan permohonan akan ditolak.
3. MAIJ daerah akan membuat tapisan mengikut syarat.

## TERENGGANU

### ● **MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU**

Pemohon adalah rakyat negeri Terengganu yang menetap di Negeri Terengganu atau pemastautin tetap di negri Terengganu tidak kuran dari tiga (3) tahun berturut-turut sebelum melanjutkan pelajaran. [http://www.espmb.com/maidam\\_zakat/DS\\_Syarat.aspx](http://www.espmb.com/maidam_zakat/DS_Syarat.aspx) boleh dilayari untuk syarat-syarat dan *link* pendaftaran.

# KELANTAN

## ● MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

### SYARAT-SYARAT AM MEMOHON:

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada golongan asnaf yang layak menerima zakat.
2. Keutamaan diberikan kepada pemohon peranakan Kelantan
3. Beragama Islam.

### SYARAT-SYARAT KHUSUS MEMOHON:

1. Golongan asnaf (fakir, miskin atau muallaf).
2. Pencapaian akademik yang cemerlang.
3. Keutamaan diberikan kepada golongan ibu tunggal, anak yatim dan orang kurang upaya (OKU)

### CARA UNTUK MEMOHON:

1. Pemohon-pemohon bolehlah mendapatkan bantuan nasihat melalui semua imam-imam masjid seluruh negeri Kelantan. Tiap-tiap Pemohon mestilah mengisi borang permohonan bantuan yang boleh didapati secara percuma di Kaunter Zakat, Tingkat 1, MAIK. Borang permohonan yang disalin (fotostat) tidak akan dilayan. Boleh layari <http://e-maik.my/portal/index.php/ms/bantuan-biasiswa-kecil-pelajar-yikk> untuk maklumat lanjut.

# PERAK

## ● YAYASAN PERAK

**Bantuan ini bertujuan untuk:**

- a) Meringankan beban mahasiswa yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan bagi membolehkan mahasiswa fokus terhadap pelajaran tanpa terganggu dengan masalah kewangan.
- b) Menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri Perak kepada kebajikan Mahasiswa Perak serta membantu meringankan beban keluarga.
- c) Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di Negeri Perak tetapi beralamat di luar Negeri Perak dan telah bermaustatin di Negeri Perak lebih 10 tahun.

### **Definisi Jenis-Jenis Bantuan**

Bantuan ini terbahagi kepada 2 jenis bantuan yang akan disalurkan kepada mahasiswa anak Perak:

#### **1. Bantuan Sara Diri**

- a) Bantuan tambahan bagi menampung perbelanjaan harian mahasiswa sewaktu menjalani pengajian di IPT.
- b) Bantuan kepada mahasiswa yang terpaksa membuat pertambahan semestar atas alasan munasabah selain daripada disebabkan oleh kegagalan subjek.

#### **2. Bantuan Kecemasan**

- a) Bantuan khas sewaktu mahasiswa ditimpa bencana atau musibah bagi meringankan beban yang ditanggung.
- b) Contoh-contoh bencana atau musibah:
  - i. Kemalangan,
  - ii. Kebakaran,
  - iii. Kematian Ibu / Bapa / Penjaga,
  - iv. Kecurian,
  - v. Bencana alam (Banjir / Ribut / Tanah Runtuh),
  - vi. Penyakit kronik.

## KADAR PEMBERIAN

| Kategori          | Nilai Bantuan (setahun)                       |
|-------------------|---|
| Bantuan Sara Diri | RM700   |
| Bantuan Kecemasan | RM300 – RM1,000<br>(Mengikut Bencana/Musibah) |

- **SYARAT BANTUAN SARA DIRI**

1. Anak kelahiran Negeri Perak seperti berikut:-
  - a) Pemohon dan ibu atau bapa lahir di Negeri Perak ; atau
  - b) Pemohon dan ibu atau bapa lahir di luar Negeri Perak tetapi telah bermastautin di Negeri Perak lebih daripada 10 tahun ; atau
  - c) Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di Negeri Perak tetapi beralamat di luar Negeri Perak dan telah bermastautin di Negeri Perak lebih dari 10 tahun.
  - d) Keutamaan kepada mahasiswa yang masih menetap di Negeri Perak.
2. Sedang melanjutkan pengajian SEPENUH MASA dalam SEMESTER KEDUA DAN KE ATAS peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana (MASTER) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
3. Open Universiti Malaysia (OUM) tidak layak untuk memohon bantuan ini.
4. Semua permohonan perlu mendapat sokongan / pengesahan pihak Hal Ehwal Pelajar di IPT pemohon.
5. Isirumah (Ibu dan Bapa) keluarga berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan sahaja (gaji pokok).
6. Keutamaan kepada mahasiswa yang memperoleh PNGK 3.0 dan ke atas.
7. Mahasiswa yang telah mendapat sebarang bantuan Biasiswa Pendidikan dari mana-mana agensi mahupun syarikat korporat tidak akan dipertimbangkan.
8. Pemberian sekali setahun sahaja bagi setiap pelajar mengikut peringkat pengajian. (Bantuan Sara Diri).

- **SYARAT BANTUAN KECEMASAN**

1. Anak kelahiran Negeri Perak seperti berikut:-
  - a) Pemohon dan ibu atau bapa lahir di Negeri Perak ; atau
  - b) Pemohon dan ibu atau bapa lahir di luar Negeri Perak tetapi telah bermastautin di Negeri Perak lebih daripada 10 tahun ; atau
  - c) Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di Negeri Perak tetapi beralamat di luar Negeri Perak dan telah bermastautin di Negeri Perak lebih dari 10 tahun.
  - d) Keutamaan kepada mahasiswa yang masih menetap di Negeri Perak.
2. Sedang melanjutkan pengajian SEPENUH MASA peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana (MASTER) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Institusi

Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

3. Open Universiti Malaysia (OUM) tidak layak untuk memohon bantuan ini.

4. Semua permohonan perlu mendapat sokongan / pengesahan pihak Hal Ehwal Pelajar di IPT pemohon.

5. Menghantar bukti pengesahan kejadian dalam bentuk Laporan Polis, Laporan Perubatan atau Pengesahan oleh Pemimpin Tempatan (Wakil Rakyat / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga)

6. Tarikh Tutup: (31 Ogos setiap tahun) bantuan Sara diri, Kecemasan Mahasiswa Negeri Perak (sepanjang tahun dan perlu dihantar dalam tempoh 2 minggu (14 hari) dari tarikh berlakunya kejadian). Untuk maklumat lanjut sila layari

<http://yayasanperak.gov.my/v5/bantuan-sara-diri-dan-kecemasan-mahasiswa-anak-perak/>

### ● **DERMASISWA YAYASAN PERAK**

Bantuan ini bertujuan untuk:-

a) Meringankan beban bakal mahasiswa dan keluarga bagi membuat persediaan sebelum melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) di dalam dan luar Negara seperti urusan visa, tiket kapal terbang dan penginapan.

b) Mengiktiraf kecemerlangan anak Negeri Perak yang berjaya mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan luar Negara.

c) Menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri Perak kepada kebajikan anak Negeri Perak yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan luar Negara.

d) Melahirkan ikon kepimpinan dalam pelbagai bidang yang akan menjadi sumber

rujukan kepada Kerajaan Negeri dan Yayasan Perak.

- **DERMASISWA YAYASAN PERAK (DALAM NEGARA)**

#### ● **KADAR PEMBERIAN**

Bantuan ini adalah secara "one-off" berdasarkan peringkat pengajian seperti berikut:

| Bil | Peringkat Pengajian                         | Nilai Bantuan (RM)            |
|-----|---|-------------------------------|
|     |   | (Pendapatan RM5,000 Ke Bawah) |
| 1   | Sijil (Termasuk Sijil & Diploma Vokasional) | RM300.00                      |
| 2   | Diploma                                     | RM500.00                      |
| 3   | Ijazah Sarjana Muda                         | RM1,000.00                    |
| 4   | Ijazah Sarjana (Master)                     | RM1,500.00                    |
| 5   | Ijazah Doktor Falsafah (PhD)                | RM2,000.00                    |

- **SYARAT DERMASISWA YAYASAN PERAK (DALAM NEGARA)**

1. Bagi kemasukan pengajian SEPENUH MASA DAN SEPARUH MASA bagi SEMESTER PERTAMA di TAHUN PERTAMA sahaja di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana (MASTER) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) ke IPT yang tersenarai.
2. Anak kelahiran Negeri Perak seperti berikut:-
  - a) Pemohon dan ibu atau bapa lahir di Negeri Perak ; atau
  - b) Pemohon dan ibu atau bapa lahir di luar Negeri Perak tetapi telah bermastautin di Negeri Perak lebih daripada 10 tahun ; atau
  - c) Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di Negeri Perak tetapi beralamat di luar Negeri Perak dan telah bermastautin di Negeri Perak lebih dari 10 tahun.
3. Isirumah (Ibu dan Bapa) keluarga berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan sahaja (gaji pokok).

Untuk makluman lanjut sila layari <http://yayasanperak.gov.my/v5/dermasiswa-harapan-dalam-dan-luar-negara/>

## **PULAU PINANG**

- **PINJAMAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG**

Pemohon dilahirkan di Pulau Pinang atau sekurang-kurangnya bersekolah selama 5 tahun di Pulau Pinang.

Ditawarkan tempat di **Universiti/Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan sahaja**. Bagi pemohon dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta, kursus yang diikuti hendaklah diluluskan oleh MQA (Malaysian Qualification Agency /Agensi Kelayakan Malaysia). Pinjaman untuk kursus yang bertaraf Sijil, Diploma, Diploma PJJ, Ijazah Pertama, Ijazah PJJ, Sarjana dan PHD. Pemohon yang sedang mengikuti kursus PraUniversiti / Matrikulasi / KPLI / Sijil Kemahiran / Kolej Vokasional tidak layak memohon. Pinjaman Kali Ke-2 hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah menyelesaikan bayaran balik pinjaman pertama. Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 1 tahun (Contoh: Jun 2019 - Jun 2020). **Penerima pinjaman Penaja lain tidak layak memohon.** (PTPTN/MARA/JPA/Mybrain dan sebagainya). Untuk makluman lanjut sila layari <https://epp.penang.gov.my/semaksyarat.php>

## **BANTUAN KEWANGAN LAIN**

Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank)

<https://www.isdb.org/get>

Yayasan Hong Leong

<https://hongleongcsr.org/index.php/hong-leong-foundation/education/scholarships/undergraduate-scholarship>

Yayasan Cemerlang

<http://www.yayasancemerlang.org.my/>

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Bhd. (GELM)

<https://www.greatasterlife.com>

Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)

<https://www.micpa.com.my/>

Kumpulan Media Karang kraf Sdn. Bhd.

<https://www.karangkraf.com/>

Yayasan Khazanah

<https://www.yayasankhazanah.com.my/>

Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera

<http://www.yayasanpeneraju.com.my/>

Yayasan Tenaga Nasional (YTN)

<https://ytn.tnb.com.my/>

Yayasan Sime Darby

<http://www.yayasansimedarby.com/>

Malaysia Airports Holdings Berhad

<https://www.malaysiaairports.com.my/>

Permodalan Malaysia Berhad (PNB)

[http://www.pnb.com.my/05\\_5Scholarship\\_EN.php](http://www.pnb.com.my/05_5Scholarship_EN.php)

Felda Global Venture (FGV) Holdings Berhad

<http://escholarship.feldaglobal.com/ScholarOnline/General/Utama.aspx>

UEM Group Berhad

[http://www.uem.com.my/yayasanuem\\_scholarship.aspx](http://www.uem.com.my/yayasanuem_scholarship.aspx)

Gamuda Berhad

<https://gamuda.com.my/gamuda-scholarship/>

Cimb Bank Berhad

<https://careers.cimb.com/students/cimb-asean-scholarship>